



Wakil Unisza dan AIT bergambar sebaik selesai menandatangani MoU.

## Kerjasama strategik **UniSZA, AIT**

GONG BADAQ - Selari dengan usaha untuk mengembangkan aktiviti pendidikan di luar negara, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) memeterai kerjasama strategik dengan Anthlone Institute of Technology (AIT), Ireland.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi A. Latiff berkata, kerjasama itu meliputi pertukaran maklumat dalam bidang akademik dan penerbitan serta persidangan antarabangsa.

Menurutnya, antara bidang kerjasama yang akan diberikan tumpuan adalah pertukaran pelajar antara dua universiti serta pertukaran tenaga pengajar dan para penyelidik.

"Selain itu, kita akan bekerjasama dalam projek-projek penyelidikan bagi menyuntik lebih banyak elemen inovasi

dan teknologi dalam menghasilkan produk lebih berkualiti antara kedua-dua buah negara.

"Justeru, kita berharap dengan kerjasama antarabangsa ini akan meningkatkan lagi keupayaan universiti sekali gus terus mendahului dalam pelbagai bidang," katanya ketika ditemui sebaik selesai menandatangani memorandum persefahaman (MoU), di sini.

UniSZA diwakili Ahmad Zubaidi sendiri dan disaksikan Pengarah Pusat Antarabangsa, Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee, manakala AIT pula diwakili Presiden, Prof. Ciaran O Cathain.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UniSZA, Prof. Emeritus, Datuk Dr. Kamarudin Hussein.